

## Perspektif Golongan Muda terhadap Kesan Psikologi dan Fizikal Mangsa Buli Siber

*(Young People's Perspective Towards the Effect of Psychology and Physical Cyber Bully Victims)*

Juliana Rosmidah Jaafar<sup>1\*</sup>, Nalinah Poongavanam<sup>2</sup>, Lee Su Yee<sup>3</sup>

Audi Majdan Bin Kamarul Bahrain<sup>4</sup>, Gregory Henry Ripan<sup>5</sup>

Noor Hidayu Binti Zakaria<sup>6</sup>, Nurul Hazwani Binti Kamarudin<sup>7</sup>

<sup>1</sup>Centre for Foundation and General Studies, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43400 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Email: julianarosmida.jaafar@iukl.edu.my

<sup>2</sup>Centre for Foundation and General Studies, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43400 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Email: nalinah@iukl.edu.my

<sup>3</sup>Centre for Foundation and General Studies, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43400 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Email: sylee@iukl.edu.my

<sup>4</sup>Centre for Foundation and General Studies, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43400 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Email: audi@iukl.edu.my

<sup>5</sup>Centre for Foundation and General Studies, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43400 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Email: gregory@iukl.edu.my

<sup>6</sup>Faculty of Engineering, Science and Technology, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43400 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Email: noorhidayu@iukl.edu.my

<sup>7</sup>Faculty of Engineering, Science and Technology, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43400 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Email: nurulhazwani.kamarudin@iukl.edu.my

### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Juliana Rosmidah Jaafar  
(julianarosmida.jaafar@iukl.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Golongan muda  
Buli siber  
Psikologi  
Emosi  
Fizikal

#### KEYWORDS:

Young people  
Cyber bully  
Psychology  
Emotion

Dalam dunia yang berkonsepkan teknologi siber, pengguna internet turut terdedah dengan risiko menjadi mangsa buli dalam alam siber. Buli siber merupakan satu perkara yang serius memandangkan kesan yang boleh dialami oleh mangsa dan ia boleh melangkaui aspek latar belakang seseorang seperti umur dan jantina. Memandangkan buli siber boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, maka adalah penting untuk meneroka kesan negatif yang dialami oleh mangsa buli. Maka kajian ini bertujuan untuk meneroka pandangan golongan muda terhadap kesan negatif yang dialami oleh mangsa buli. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan perbincangan kumpulan berfokus untuk mendapatkan data. Seramai tujuh informan terlibat dalam kajian ini yang merupakan pelajar di institusi pengajian tinggi di Selangor. Hasil kajian telah dianalisis secara bertema. Dapatan daripada temu bual mendapati bahawa terdapat dua domain utama kesan negatif yang dialami oleh

## Physical

### CITATION:

Juliana Rosmidah Jaafar et al. (2023).  
Perspektif Golongan Muda terhadap Kesan  
Psikologi dan Fizikal Mangsa Buli Siber.  
*Malaysian Journal of Social Sciences and  
Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002324.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2324>

mangs buli; kesan secara fizikal dan psikologi. Bagi domain kesan negatif psikologi, ia merangkumi kesan emosi negatif seperti kemurungan, sedih mahu pun bimbang yang membawa kepada isu kesihatan mental. Selain itu, aspek personaliti dan estim-diri turut dikaitkan dengan emosi negatif yang dialami oleh mangsa buli siber. Manakala domain kesan negatif fizikal melibatkan aspek yang menjejaskan kesihatan diri seperti pengunduran daripada aktiviti sosial dan berat badan berkurangan. Dapatan daripada kajian ini boleh diimplikasikan dalam konteks kempen kesedaran buli siber di peringkat sekolah rendah dan penguatkuasaan undang-undang lebih ketat berkaitan buli siber. Kajian akan datang dicadangkan untuk meneroka aspek kesan negatif yang dialami oleh mangsa buli siber dalam skop kajian yang lebih meluas dengan mengambil kira perbezaan aspek sosiodemografi. Secara keseluruhan kajian ini berjaya meneroka secara holistik kesan buli siber.

### ABSTRACT

In the current world of cybertechnology, the internet users are at-risk to become the cyberbully victims. Cyberbully is a severe issue due to the effect faced by the victims and it can be beyond the aspect of individual background such as age and gender. As the cyberbully can happen to anyone, it is crucial to explore the negative effect experienced by the victims. Therefore, this research aims to explore the perspective of the young people towards the negative effect experienced by the victims. This qualitative study applied focus group discussion approach to gain the data. A total of seven informants involved in this study were a university student from Selangor. The findings were analysed using thematic analysis. The results revealed two main domains of the negative effect; psychological and physical. For the psychological negative effects, it comprised of depression, sad and anxiety which led to the issue of mental health. Other than that, these negative emotions are closely related with individual personality and self-esteem. The physical negative effects are related with individual's health such as withdrawal from the social activity and weight loss. These findings can be implemented in the context of awareness towards the cyberbully in primary school and a stricter law enforcement. For the future study, it is recommended to explore the differences in the sociodemographic setting in the context of cyberbully. In sum, this research managed to explore a more holistic understanding on the negative effect of cyberbully.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini mengambil perspektif daripada golongan muda, iaitu pelajar universiti berkaitan kesan negatif psikologi dan fizikal yang dialami oleh mangsa buli siber.

## 1. Pengenalan

Buli siber merupakan satu tindakan yang melibatkan perbuatan yang mendatangkan ketidakselesaan kepada pengguna siber. Menurut definisi yang diberikan oleh [Kementerian Kesihatan Malaysia \(2013\)](#) buli siber merupakan sebarang perbuatan yang mengancam, memalukan, atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej teks (SMS), *chatting*, e-mel, laman web sosial, telefon bimbit atau permainan internet. Manakala [Kofoed dan Staksrud \(2019\)](#) memberikan perincian unsur yang perlu ada dalam perkara berkaitan buli siber iaitu pembuli, mangsa, orang awam (*bystander*) dan konteks siber itu sendiri. Dalam erti kata lain, situasi buli dalam alam siber menurut [Kofoed dan Staksrud \(2019\)](#) tidak hanya melibatkan dua pihak iaitu pembuli dan mangsa, namun adalah meluas dengan pembabitian individu lain sebagai pemerhati (orang awam). Sementara itu, [Agus et al. \(2021\)](#) memberikan ciri-ciri khusus buli siber yang melibatkan kerahsiaan di mana pembuli mungkin tidak mengenali pembuli, skop penyebaran maklumat, kurang atau tiada interaksi pembuli-mangsa dan kurang pengawasan ibu bapa (lebih terarah kepada golongan remaja).

Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima impak disebabkan keterbukaan maklumat dalam alam siber. Misalnya pada tahun 2019, [Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu \(UNICEF\) \(2019\)](#) melaporkan bahawa golongan muda terutamanya remaja turut menjadi mangsa buli siber melalui media sosial. Laporan berkenaan menyatakan bahawa tiga daripada sepuluh remaja Malaysia mengakui bahawa mereka pernah menjadi mangsa buli siber dan kebanyakannya adalah melalui platform media sosial. Manakala menurut satu laporan yang dikeluarkan oleh , [Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu \(UNICEF\) \(2020\)](#) pada 2020 pula, Malaysia merupakan negara kedua tertinggi bagi kes buli di Asia. Statistik ini menunjukkan bahawa negara kita bukan sahaja terdedah kepada risiko golongan tertentu seperti remaja untuk menjadi mangsa buli, malah turut cenderung untuk menjadi pembuli dalam alam siber.

Dalam dunia siber yang bersifat jendela terbuka dan berkeupayaan untuk individu berselindung daripada tatapan umum, telah menjadikan semua individu terdedah kepada risiko menjadi mangsa buli siber. Misalnya dalam kajian yang dijalankan oleh [Choi, Cho dan Lee \(2019\)](#) mendapati bahawa mana-mana individu yang cenderung terlibat dalam aktiviti atas talian yang berisiko mempunyai kebarangkalian lebih tinggi untuk menjadi mangsa buli siber. Kegiatan dalam talian yang berisiko meliputi aktiviti seperti menerima pelawaan menjadi rakan media sosial daripada orang asing, mendedahkan lokasi semasa mahu pun mempamerkan aktiviti keluarga kepada orang ramai melalui media sosial. Selain itu, [So dan Kim \(2020\)](#) turut tidak menolak kemungkinan bahawa mangsa buli siber bukan sahaja melibatkan golongan muda, malahan golongan warga emas. Ini adalah kerana keterbukaan peluang menggunakan platform media sosial untuk orang ramai dan umumnya pembuli siber selalu bersikap *anonymous*, menjadikan sesiapa sahaja boleh terlibat dalam aktiviti buli siber. [So dan Kim \(2020\)](#) juga mengaitkan elemen norma dalam masyarakat sebagai salah satu faktor yang mendorong kepada serangan dalam alam siber di mana masyarakat masa kini bersifat lebih terbuka untuk berinteraksi dalam alam siber.

Kajian-kajian lalu tidak terkecuali daripada melaporkan kesan yang dialami oleh mangsa buli siber. [Pitchan, Omar dan Ghazali \(2019\)](#) menyatakan bahawa individu yang berhadapan dengan situasi buli dalam alam siber cenderung untuk mengalami kesan negatif, baik secara emosi mahupun mental. Teori Pengasingan Sosial oleh [Honneth \(2014\)](#) menjelaskan mengenai pengalaman yang dilalui oleh seseorang berikutan pengasingan sosial yang berlaku, sama ada dalam bentuk fizikal atau emosi. Dalam

keadaan di mana seseorang diasingkan, individu akan mengalami pengalaman yang menyedihkan atau menyakitkan. Dalam konteks buli siber, teori ini telah diaplikasikan dalam kajian-kajian terdahulu bagi menjelaskan aspek kesan emosi dan fizikal yang dialami oleh pengguna media sosial (Wang et al. 2022; Xiao & Zheng, 2022). Teori ini telah diperincikan oleh Alhujaili, Karwowski, Wan dan Hancock (2020) yang menjelaskan bahawa manusia perlu memenuhi empat elemen berkaitan perkara asas dalam kehidupan iaitu rasa kepunyaan, kawalan, estim-diri serta kewujudan yang bermakna. Dalam skop buli siber, kegagalan untuk memenuhi keempat-empat elemen ini boleh membawa kepada kesan negatif dalam kehidupan.

Berdasarkan kesan-kesan signifikan yang membawa impak kepada mangsa buli siber, maka kajian ini dilakukan bagi meneroka perspektif golongan muda terhadap kesan-kesan psikologi dan fizikal yang dialami oleh mangsa buli siber. Kumpulan ini merupakan pelajar universiti yang dipilih sebagai informan kajian memandangkan mereka merupakan golongan yang banyak terlibat dalam aktiviti internet dalam aktiviti harian.

## 2. Metod Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan perbincangan dalam kumpulan berfokus (*focus group discussion*) bagi meneroka persepsi kesan yang dialami oleh mangsa buli siber. Persepsi berkaitan buli siber merangkumi pandangan mengenai kesan yang dialami oleh mangsa buli siber. Namun, pandangan yang dikemukakan oleh informan turut boleh merangkumi pengalaman sendiri mahu pun daripada pemerhatian dalam jaringan sosial mereka. Dalam kajian ini seramai tujuh orang pelajar universiti di salah satu institusi pengajian tinggi di Selangor telah dijadikan informan. Kumpulan ini diperolehi melalui persampelan *snowballing*. Tujuh informan ini telah dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut sesi yang dipilih sendiri. Kumpulan 1 terdiri daripada tiga informan (lelaki = 2, perempuan = 1). Manakala Kumpulan 2 mengandungi empat informan dengan lelaki dan perempuan, masing-masing seramai dua orang.

Soalan yang digunakan dalam kajian ini telah diuji rintis terlebih dahulu bagi menentukan kesesuaian pemahaman informan bagi skop kesan mangsa buli siber. Data perbincangan dalam kumpulan berfokus ini diperolehi melalui temu bual separa struktur yang membolehkan informan berkongsi pengalaman dan pandangan. Sesi perbincangan dalam kumpulan berfokus berlangsung selama dua hari. Setiap sesi mengambil masa sekitar 60 hingga 80 minit. Temu bual ini ditranskrip dan dianalisis secara bertema. *Trustworthiness* data kajian menggunakan tiga kaedah iaitu *peer-member checking*, semakan teori dan semakan silang kajian lalu.

## 3. Hasil Kajian

Informan dalam kajian ini terdiri daripada tujuh orang pelajar di salah satu institusi pengajian tinggi di Selangor. Julat umur informan adalah antara 19 hingga 27 tahun. Informan terdiri daripada empat lelaki dan tiga perempuan. Semua informan merupakan pelajar berdaftar di institusi berkenaan dalam pelbagai bidang pengajian; program asas dan ijazah dalam bidang seni bina. Berdasarkan temu bual ini, dapatan kajian dibahagikan kepada dua domain utama berkaitan kesan yang dialami oleh mangsa buli siber; 1) domain kesan psikologi dan 2) domain kesan fizikal.

### 3.1. Domain Kesan Psikologi Mangsa Buli Siber

Bagi salah satu informan dalam temu bual ini, beliau beranggapan bahawa buli siber lebih banyak mendatangkan kesan kepada emosi seseorang kerana ia melibatkan isu kesihatan mental. Perasaan seperti bimbang, murung dan tidak selamat dirasai oleh mangsa buli siber;

*Secara peribadi, saya rasakan buli siber membuat lebih banyak kesan buruk berbanding fizikal sebab dia melibatkan kesihatan mental. Jadi kalau mental ni, kesan dia akan lebih jangka panjang. Maknanya dia akan buat orang rasa bimbang, murung, tak selamat dan apa-apa sahaja yang lebih dari tu tanpa kita sedar. (Sarvesh)*

Begitu juga dengan rakan informan lain yang bersetuju dengan pandangan Sarvesh, di mana Chua merasakan bahawa mangsa buli siber akan mengalami kemurungan yang mana akan membawa kepada perasaan tiada harapan dalam hidup;

*Buli siber? Pertama sekali, mangsa ni akan murung. Mereka ini dibuli, jadi akan buat rasa kemurungan, ya. Dan mungkin boleh membawa kepada rasa sedih, hilang harapan dan tiada arah hidup. (Chua)*

Bagi Marry pula, rasa kemurungan yang dialami oleh mangsa buli siber boleh berlaku disebabkan kata-kata atau sebarang *posting* yang ditulis di media sosial. Bagi sesetengah individu, komen yang diterima boleh menggugat reputasi mereka. Keadaan seperti ini boleh membawa kepada kesan yang lebih serius seperti keinginan bunuh diri. Malah, menurut Mary lagi, situasi buli siber ini ketara berlaku di kalangan artis. Menurut beliau;

*Apabila ada orang yang buat komen, atau hantar apa-apa dalam media sosial, perkara ini boleh tersebar. Dan kita lihat kebanyakannya berkaitan reputasi. Individu boleh jadi kemurungan dan boleh ada keinginan nak bunuh diri sebab fikirkan reputasi diri dan keluarga mereka. Perkara ni banyak berlaku dalam kalangan artis lah. Siapa yang boleh tahan, tahanlah. Siapa yang tidak, boleh jadi bawa niat bunuh diri. (Mary)*

Kesan penggunaan media sosial berkaitan aspek psikologi turut dikongsi oleh Mahmud di mana beliau beranggapan platform media sosial ini boleh membawa kesan negatif kepada pengguna sehingga membawa kepada niat membunuh diri. Terdapat kemungkinan bahawa keinginan membunuh diri ini disebabkan oleh perkataan yang menghina individu lain di mana ia menjadi perkara yang tidak boleh diterima. Bagi Mahmud;

*Macam, kalau kita sudah ada dalam media sosial kan, kita selalu dengar pasal bunuh diri, orang sakitkan diri sendiri. Semua ini sebab kena buli dan kena hina. Bila benda ini berlaku, ada yang tidak boleh hendak terima keadaan ini. (Mahmud)*

Chua juga turut bersetuju bahawa buli siber ini adalah lebih serius disebabkan oleh platform yang digunakan. Ia berlaku dalam internet dan lebih ramai yang boleh menyertai aktiviti membuli dalam talian. Dalam erti kata lain, kumpulan pemangsa buli siber boleh bergerak sebagai satu kumpulan yang besar. Keadaan ini boleh memberikan kesan yang lebih mendalam kepada mangsa. Menurut beliau;

*Bagi saya, buli siber ini lagi teruk dari buli fizikal. Sebab kalau buli fizikal di sekolah, kawasan situ je lah. Tapi kalau online, dia online kan. Bila online ni, makin banyak yang boleh turut serta hendak tulis apa-apa. Satu dunia, satu negara lagi. Ini yang bawa kesan lagi teruk pada mangsa. (Chua)*

Pengaruh media sosial boleh mengakibatkan perasaan emosi negatif yang berbalik kepada seseorang. Misalnya, individu yang dibuli disebabkan oleh hebahan (*posting*) yang dibuat atas talian sosial media boleh membawa kepada rasa bersalah kepada diri mereka sekiranya ada individu memberi komen yang tidak menyenangkan atau melukakan perasaan dalam media sosial. Ai Li mempersepsikan bahawa mangsa buli akan rasa bersalah kerana mereka beranggapan keadaan ini berlaku disebabkan diri mereka sendiri.

*Dalam buli siber ni, rasa macam apa salah yang aku dah buat? Aku tunjuk gambar ni, tak boleh ke? Perasaan tu, macam rasa salah ke? Kenapa ada orang yang tulis macam ini pada aku? Nanti lama-kelamaan, individu itu akan rasa semua yang aku buat ini, semuanya salah. (Ai Li)*

Selain daripada platform media sosial itu sendiri yang memberikan kesan negatif kepada emosi seseorang, Mahmud beranggapan bahawa aspek dalaman seseorang seperti personaliti juga boleh membawa kepada perkara buruk kepada mangsa buli. Misalnya mereka yang *overthinking* atau terlalu sensitif sehingga memikirkan sesuatu perkara secara keterlaluan. Keadaan ini boleh membawa kepada perasaan seperti tidak yakin pada diri sendiri yang membawa kepada kesan emosi negatif.

*Orang yang sensitif ini, ada yang overthinking. Mereka selalu fikir lebih dan rasa tidak percaya pada diri sendiri. Orang-orang macam ini akan ambil serius dengan perkara lain yang boleh bawa kesan secara tidak baik lah. (Mahmud)*

### **3.2. Domain Kesan Fizikal Mangsa Buli Siber**

Buli dalam alam siber bukan sahaja memberi kesan kepada mangsa secara psikologi. Ia turut memberikan kesan secara fizikal. Misalnya Aina yang beranggapan bahawa mangsa buli akan mula menunjukkan tanda-tanda pengunduran daripada ruang sosial. Keadaan ini akan memberi kesan kepada imej fizikal seseorang yang boleh memberi kesan terhadap penampilan serta berat badan seseorang. Bagi Aina;

*Saya rasa buli siber ni bermula dengan kesan emosi yang negatif. Lepas tu, bawa kepada fizikal. Bila dapat komen yang menyakitkan, seseorang boleh murung, lepas itu akan bawa kepada kesan kesejahteraan fizikal. Orang yang macam ini boleh tidak mahu keluar dari rumah, tidak mahu makan. Semua ini bawa kesan pada imej fizikal dia. (Aina)*

Buli dalam alam siber, sama seperti fizikal di mana kemungkinan berlakunya pengulangan aktiviti adalah tinggi. Bagi Sarvesh, individu yang dibuli secara berterusan boleh mengakibatkan kesan fizikal seperti pening kepala, rasa mual serta sakit perut;

*Untuk buli siber ini, ia boleh berlaku terus dan terus. Bawa kesan kepada individu. Kadang-kadang mangsa itu rasa macam pening kepala, mual nak muntah, atau kadang-kadang sakit di bahagian perut juga. (Sarvesh)*

Secara keseluruhannya, persepsi terhadap kesan negatif yang dialami oleh mangsa buli siber boleh dilihat dalam dua domain utama iaitu kesan terhadap psikologi dan fizikal. Seterusnya, dapatan kajian dibincangkan dalam konteks kajian lalu.

#### 4. Perbincangan Hasil Kajian

Umumnya, dapatan kajian ini mendapati bahawa wujud dua domain utama berkaitan kesan negatif yang dialami oleh mangsa buli siber. Bagi domain kesan negatif psikologi yang dialami oleh mangsa buli, keadaan ini lebih banyak dikaitkan dengan isu kesihatan mental. Aspek-aspek seperti kemurungan, rasa sedih, hilang harapan atau rasa hilang arah tujuan hidup. Keadaan sebegini turut dilaporkan dalam kajian oleh [Karsodikromo, Husin dan Razali \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa mereka yang dibuli akan mengalami kemurungan, kebimbangan dan rasa tertekan. Perkara ini lebih ketara berlaku dalam kalangan pengguna internet yang muda di mana mereka umumnya mempunyai kemudahan capaian internet yang lebih luas. Begitu juga dengan kajian *systematic review* yang dijalankan oleh [Stevens, Nurse dan Arief \(2021\)](#) melaporkan bahawa bagi majoriti kajian-kajian lalu melaporkan hubungan antara emosi-emosi negatif dengan kesihatan mental mangsa buli. Kajian yang dijalankan oleh [Stevens et al. \(2021\)](#) menganalisis 43 buah artikel berkaitan kesan yang dialami mangsa buli siber melaporkan cara-cara membuli dalam alam siber sehingga mengganggu kesejahteraan individu. Cara yang digunakan oleh pembuli termasuklah seperti menghendap, menulis komen yang tidak wajar, *photoshop* gambar malahan menggodam akaun individu lain sehingga membawa kepada kesan emosi negatif.

Selain daripada rasa emosi negatif seperti kemurungan, sedih mahupun bimbang yang dialami oleh individu yang dibuli, kajian ini mendapati bahawa informan berkongsi satu perkara menarik berkaitan aspek *reverse psychology* yang boleh dialami oleh mangsa. Temu bual dalam kajian ini mendapati bahawa mangsa buli siber boleh mempersepsikan bahawa tindakan mereka dibuli adalah disebabkan salah diri sendiri. Ini adalah kerana mereka sendiri seolah-olah membenarkan perkara sedemikian berlaku. Menurut [Sheanoda dan Bussey \(2021\)](#), persepsi menyalahkan diri sendiri atau *self-blame* adalah berkaitan dengan aspek estim-diri seseorang. Individu yang mempunyai estim-diri yang kuat mampu untuk mengatasi emosi negatif yang dialami di mana ia bertindak sebagai salah satu daripada strategi daya tindak.

Estim-diri sebagaimana yang dilaporkan oleh [Sheanoda dan Bussey \(2021\)](#) sebagai benteng dalaman seseorang daripada dipengaruhi oleh emosi negatif dapat dikaitkan dengan personaliti seseorang. Individu dengan personaliti berfikir terlalu mendalam suatu perkara boleh membawa kepada aspek *overthinking* yang mengakibatkan seseorang merasa was-was dengan apa sahaja yang dilakukan. Bagi [Masangcay \(2020\)](#), individu dengan personaliti *overthinking* apabila dibuli dalam alam siber bukan sahaja akan memberi impak kepada mereka semasa penggunaan media sosial, malah turut menjejaskan aktiviti harian mereka.

Bagi [Chakan dan Millenio \(2023\)](#), buli dalam alam maya bukan sahaja terdedah dengan kesan psikologi negatif, tetapi turut melibatkan aspek fizikal. Perkara yang sama turut dikongsi oleh informan dalam kajian ini di mana mereka mempersepsikan bahawa mangsa buli siber yang kemurungan, sedih serta rasa bimbang secara berlarutan boleh memberi kesan kepada aktiviti harian mereka. Bagi mangsa buli siber, pengunduran daripada aktiviti sosial secara fizikal berkemungkinan dianggap sebagai salah satu

daripada strategi daya tindak untuk mengatasi isu buli. Ini adalah kerana pembuli internet boleh menjadi seorang yang *anonymous* dan tidak diketahui oleh orang lain (Albdour, Hong, Lewin & Yarandi, 2019).

Ringkasnya, berdasarkan temu bual yang dijalankan ini, individu yang menjadi mangsa buli adalah terdedah kepada dua kesan yang saling berkait-rapat, iaitu psikologi dan kesejahteraan fizikal. Dapatan ini memberikan pemahaman yang mendalam berkaitan mangsa buli sebagaimana yang dipersepsikan oleh golongan muda.

## 5. Rumusan

Secara kesimpulannya, kajian ini telah meneroka persepsi berkaitan kesan yang dialami oleh mangsa buli siber daripada sudut pandangan golongan muda. Hasil daripada temu bual kajian ini berjaya mengenalpasti aspek-aspek yang berkaitan dengan kesan psikologi yang melibatkan emosi dan personaliti mangsa buli, selain daripada kesan fizikal yang berkait-rapat dengan kesihatan diri. Dapatan kajian ini turut memberi implikasi terhadap aspek pelaksanaan program-program pengukuhan jati diri dalam kalangan pengguna internet. Program-program yang dapat membantu mengukuhkan personaliti positif dalam kalangan pengguna internet boleh dimulakan di peringkat awal, seawal dari sekolah rendah. Ini boleh membantu memantapkan estimasi diri dan memberikan kemahiran strategi daya tindak apabila berhadapan dengan buli siber. Selain itu, pelaksanaan undang-undang berkaitan pengguna internet perlu diperluaskan memandangkan kesan yang dialami oleh mangsa buli siber bukan sahaja melibatkan kesan emosi, mental malahan kesihatan fizikal. Maka undang-undang yang ketat dijangka dapat mengawalselia sikap pengguna media sosial. Kajian ini hanya dijalankan di satu institusi pengajian tinggi di Selangor dan maklumat yang diterima untuk analisis kajian hanya terhad kepada bilangan informan yang terlibat. Oleh yang demikian, untuk kajian akan datang adalah dicadangkan agar penerokaan persepsi kesan negatif emosi dan fizikal ini dijalankan kepada sampel yang lebih ramai dan merangkumi pelbagai sosiodemografi.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Kumpulan pengkaji merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

## **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini dibiaya di bawah geran penyelidikan Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL) (Geran IIRF IUKL FS06).



## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangannya atau penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Agus, M., Mascia, M. L., Zanetti, M. A., Perrone, S., Rollo, D., & Penna, M. P. (2021). Who Are the Victims of Cyberbullying? Preliminary Data Towards Validation of. *Contemporary Educational Technology*, 13(3), ep310.
- Albdour, M., Hong, J. S., Lewin, L., & Yarandi, H. (2019). The impact of cyberbullying on physical and psychological health of Arab American adolescents. *Journal of immigrant and minority health*, 21, 706-715.
- Alhujaili, A., Karwowski, W., Wan, T. T., & Hancock, P. (2020). Affective and stress consequences of cyberbullying. *Symmetry*, 12(9), 1536.
- Chakan, A., & Millenio, M. F. (2023). Protection of Cyberbullying Victims in Indonesia (An Overview of Law and Victimology). *Semarang State University Undergraduate Law and Society Review*, 3(1), 1-26.
- Choi, K. S., Cho, S., & Lee, J. R. (2019). Impacts of online risky behaviors and cybersecurity management on cyberbullying and traditional bullying victimization among Korean youth: Application of cyber-routine activities theory with latent class analysis. *Computers in Human Behavior*, 100, 1-10.
- Honeth, A. (2014) dalam Magalhães, J. C., & Yu, J. (2022). Social media, social unfreedom. *Communications*, 47(4), 553-571.
- Karsodikromo, Y., Husin, M. R., & Razali, A. R. (2022). Implikasi Buli Siber, Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan terhadap Pencapaian Akademik Murid. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(3), 129-139.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2013). <http://www.myhealth.gov.my/cyberbullying/>. Diakses pada 23 Mei 2023.
- Kofoed, J., & Staksrud, E. (2019). 'We always torment different people, so by definition, we are no bullies': The problem of definitions in cyberbullying research. *New Media & Society*, 21(4), 1006-1020.
- Masangcay, D. B. (2020). Defense mechanism of students experiencing cyberbullying: A qualitative analysis on students' internet interaction. *Asia Pacific Journal of Multidisciplinary Research*, 8(4), 151-160.
- Pitchan, M. A., Omar, S. Z., & Ghazali, A. H. A. (2019). Amalan keselamatan siber pengguna internet terhadap buli siber, pornografi, e-mel phishing dan pembelian dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 212-227.
- So, W., & Kim, H. (2020). An Empirical Study on the Effect of the Social Norms on Assault Behavior through Cyber Bullying. *Asia-pacific Journal of Convergent Research Interchange*, 6(2), 149-158.
- Stevens, F., Nurse, J. R., & Arief, B. (2021). Cyber stalking, cyber harassment, and adult mental health: A systematic review. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 24(6), 367-376.
- Sheanoda, V., & Bussey, K. (2021). Victims of cyberbullying: an examination of social cognitive processes associated with cyberbullying victimization. *Journal of school violence*, 20(4), 567-580.
- Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), (2019). <https://children4change.unicef.my/3-in-10-young-people-in-malaysia-cyberbullied/>. Diakses pada 23 Mei 2023.

- Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), (2020) dalam <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/01/800032/buli-siber-dalam-kalangan-belia-malaysia-kedua-tertinggi-di-asia>. Diakses pada 23 Mei 2023.
- Wang, P., Hu, H., Mo, P. K., Ouyang, M., Geng, J., Zeng, P., & Mao, N. (2022). How is father phubbing associated with adolescents' social networking sites addiction? Roles of narcissism, need to belong, and loneliness. *The Journal of Psychology, 156*(5), 331-348.
- Xiao, X., & Zheng, X. (2022). The effect of parental phubbing on depression in Chinese junior high school students: The mediating roles of basic psychological needs satisfaction and self-esteem. *Frontiers in Psychology, 13*29.